



26 Ogos 2025
26 August 2025
P.U. (A) 270

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(SKIM INSENTIF KHAS NEGERI KELANTAN)
(EKSEKUTIF *C-SUITE*) 2025

*INCOME TAX (STATE OF KELANTAN
SPECIAL INCENTIVE SCHEME) (C-SUITE EXECUTIVE)
RULES 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (SKIM INSENTIF KHAS NEGERI KELANTAN)
(EKSEKUTIF *C-SUITE*) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dibaca bersama-sama perenggan 2 Bahagian XVIII Jadual 1 kepada Akta, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Khas Negeri Kelantan) (Eksekutif *C-Suite*) 2025**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“eksekutif *C-Suite*” termasuklah Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Pemasaran, Ketua Pegawai Maklumat atau mana-mana eksekutif kanan yang—

(a) bertanggungjawab bagi mengatur strategi perniagaan;

(b) membuat keputusan bagi pengendalian perniagaan; atau

(c) mempunyai kepandaian fungsional atau kemahiran teknikal;

“individu yang diluluskan” ertinya individu yang layak yang baginya suatu kelulusan bagi Skim Insentif Khas Negeri Kelantan berhubung dengan eksekutif *C-Suite* telah diberikan di bawah kaedah 4;

“individu yang layak” ertinya individu yang layak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kaedah 3;

“Majlis” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 [*Akta 688*];

“orang yang diluluskan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Khas Negeri Kelantan) 2025 [*P.U. (A) 269/2025*].

Individu yang layak

3. Seseorang individu yang layak di bawah Kaedah-Kaedah ini—

- (a) ialah pemastautin individu yang bukan warganegara Malaysia;
- (b) ialah seorang eksekutif *C-Suite* yang diambil kerja oleh orang yang diluluskan dalam tahun taksiran yang ditentukan yang disebut dalam kaedah 7;
- (c) ialah seorang eksekutif *C-Suite* yang menerima gaji pokok minimum sebanyak sepuluh ribu ringgit setiap bulan; dan
- (d) tidak pernah menjadi individu yang diluluskan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Permohonan bagi Skim Insentif Khas Negeri Kelantan berhubung dengan eksekutif *C-Suite*

4. (1) Orang yang diluluskan boleh memohon bagi pihak individu yang layak bagi Skim Insentif Khas Negeri Kelantan berhubung dengan eksekutif *C-Suite* kepada Menteri melalui Majlis mulai 1 Ogos 2021 hingga 31 Disember 2024.

- (2) Apabila permohonan di bawah subkaedah (1) diterima, Menteri boleh—
- (a) meluluskan permohonan itu dan mengeluarkan surat kelulusan kepada orang yang diluluskan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam kaedah 5 atau syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri; atau
 - (b) menolak permohonan itu.

(3) Bagi maksud perenggan 2(a), kelulusan Menteri terhad kepada lima individu yang layak.

Syarat bagi individu yang diluluskan

5. Seseorang individu yang diluluskan hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan oleh Menteri yang hendaklah termasuk syarat yang berikut:

- (a) bermastautin di Malaysia bagi setiap tahun taksiran dalam tahun taksiran yang ditentukan;
- (b) memegang jawatan sebagai eksekutif *C-Suite* dan menerima gaji pokok minimum sebanyak sepuluh ribu ringgit setiap bulan dalam tahun taksiran yang ditentukan; dan
- (c) apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Kadar cukai pendapatan

6. (1) Kadar cukai pendapatan yang dikenakan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi tahun taksiran yang ditentukan atas pendapatan kena cukai bagi individu yang diluluskan ialah lima belas peratus.

(2) Pendapatan kena cukai bagi individu yang diluluskan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

iaitu

- A ialah pendapatan berkanun individu yang diluluskan daripada pengambilan kerja dengan orang yang diluluskan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dalam tahun taksiran yang ditentukan;
- B ialah pendapatan agregat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dalam tahun taksiran yang ditentukan; dan
- C ialah pendapatan kena cukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dalam tahun taksiran yang ditentukan.

(3) Dalam hal taksiran bersama di bawah subseksyen 45(2) Akta, pendapatan agregat yang disebut dalam subkaedah (2) hendaklah termasuk pendapatan daripada isteri atau suami, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Jika pendapatan kena cukai individu yang diluluskan itu telah ditentukan di bawah subkaedah (2), apa-apa lebihan pendapatan kena cukai hendaklah dikenakan cukai pendapatan bagi tahun taksiran itu di bawah Bahagian I Jadual 1 kepada Akta pada kadar yang sepatutnya terpakai bagi pendapatan kena cukai seolah-olah individu yang diluluskan itu bukan individu yang diluluskan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Tahun taksiran yang ditentukan

7. Tahun taksiran yang ditentukan yang disebut dalam Kaedah-Kaedah ini ialah suatu tempoh lima tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Penarikan balik Skim Insentif Khas Negeri Kelantan berhubung dengan eksekutif *C-Suite*

8. (1) Menteri boleh menarik balik Skim Insentif Khas Negeri Kelantan berhubung dengan eksekutif *C-Suite* yang diberikan di bawah Kaedah-Kaedah ini jika—

(a) individu yang diluluskan itu tidak mematuhi mana-mana syarat di bawah kaedah 5; atau

(b) Skim Insentif Khas Negeri Kelantan yang diberikan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Khas Negeri Kelantan) 2025 terhenti terpakai bagi orang yang diluluskan.

(2) Jika Skim Insentif Khas Negeri Kelantan berhubung dengan eksekutif *C-Suite* ditarik balik mengikut subkaedah (1), Skim Insentif Khas Negeri Kelantan berhubung dengan eksekutif *C-Suite* itu hendaklah disifatkan tidak diberikan kepada individu yang diluluskan itu—

(a) berhubung dengan perenggan (1)(a), mulai tahun pertama tahun taksiran yang ditentukan itu; atau

(b) berhubung dengan perenggan (1)(b), mulai tahun taksiran yang permohonan oleh orang yang diluluskan di bawah kaedah 11 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Khas Negeri Kelantan) 2025 diterima oleh Menteri melalui Majlis.

Pemberhentian Skim Insentif Khas Negeri Kelantan berhubung dengan eksekutif *C-Suite*

9. Jika individu yang diluluskan itu tidak lagi bekerja dengan orang yang diluluskan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dalam tahun taksiran yang ditentukan, Kaedah-Kaedah ini hendaklah terhenti terpakai bagi individu yang diluluskan itu mulai tahun taksiran yang individu yang diluluskan itu tidak lagi bekerja.

Dibuat 19 Ogos 2025

[Perb.MOF.TAX(S)700-2/7/758; LHDN.AY.A 600-12/1/7 (29)-319; PN(PU2)80/JLD.114]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967*]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (STATE OF KELANTAN SPECIAL INCENTIVE SCHEME)
(C-SUITE EXECUTIVE) RULES 2025

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53] read together with paragraph 2 of Part XVIII of Schedule 1 to the Act, the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (State of Kelantan Special Incentive Scheme) (C-Suite Executive) Rules 2025**.

(2) These Rules are deemed to have effect from the year of assessment 2021.

Interpretation

2. In these Rules—

“C-Suite executive” includes a Chief Executive Officer, a Chief Financial Officer, a Chief Operating Officer, a Chief Marketing Officer, a Chief Information Officer or any senior executive who—

(a) is responsible for setting the strategy of a business;

(b) makes decision for the operation of a business; or

(c) has functional know-how or technical skills;

“approved individual” means a qualifying individual to whom an approval for the State of Kelantan Special Incentive Scheme in relation to C-Suite executive has been granted under rule 4;

“qualifying individual” means a qualifying individual as provided for under rule 3;

“Council” has the meaning assigned to it in the East Coast Economic Region Development Council Act 2008 [*Act 688*];

“approved person” has the meaning assigned to it in the Income Tax (State of Kelantan Special Incentive Scheme) Rules 2025 [*P.U. (A) 269/2025*].

Qualifying individual

3. A qualifying individual under these Rules—

(a) is an individual resident who is not a citizen of Malaysia;

(b) is a C-Suite executive who is employed by an approved person in the specified years of assessment referred to in rule 7;

(c) is a C-Suite executive who received a minimum basic salary of ten thousand ringgit per month; and

(d) has never been an approved individual under these Rules.

Application for State of Kelantan Special Incentive Scheme in relation to C-Suite executive

4. (1) An approved person may apply on behalf of the qualifying individual for the State of Kelantan Special Incentive Scheme in relation to C-Suite executive to the Minister through the Council from 1 August 2021 to 31 December 2024.

(2) Upon receiving the application under subrule (1), the Minister may—

(a) approve the application and issue an approval letter to the approved person subject to such conditions specified in rule 5 or other conditions as the Minister thinks fit; or

(b) refuse the application.

(3) For the purposes of paragraph 2(a), the approval of the Minister shall be limited to five qualifying individuals.

Conditions for approved individual

5. An approved individual shall comply with the conditions imposed by the Minister which shall include the following conditions:

- (a) resident in Malaysia for each year of assessment in the specified years of assessment;
- (b) holds an office of C-Suite executive and receives a minimum basic salary of ten thousand ringgit per month in the specified years of assessment; and
- (c) any other conditions as determined by the Minister.

Rate of income tax

6. (1) The rate of income tax which shall be charged under these Rules for the specified years of assessment on the chargeable income of an approved individual is fifteen per cent.

(2) The chargeable income of the approved individual referred to in subrule (1) shall be determined in accordance with the following formula:

$$\frac{A}{B} \times C$$

where

A is the statutory income of the approved individual from employment with the approved person in a basis period for a year of assessment in the specified years of assessment;

B is the aggregate income in the basis period for a year of assessment in the specified years of assessment; and

C is the chargeable income in the basis period for a year of assessment in the specified years of assessment.

(3) In the case of a combined assessment under subsection 45(2) of the Act, the aggregate income referred to in subrule (2) shall include income from the wife or husband, as the case may be.

(4) Where the chargeable income of an approved individual has been determined under subrule (2), any excess of the chargeable income shall be charged to income tax for that year of assessment under Part I of Schedule 1 to the Act at the rate that would have been applicable for his chargeable income as if the approved individual is not an approved individual under these Rules.

Specified years of assessment

7. The specified years of assessment referred to in these Rules is a period of five consecutive years of assessment commencing from the year of assessment as determined by the Minister.

Withdrawal of State of Kelantan Special Incentive Scheme in relation to C-Suite executive

8. (1) The Minister may withdraw the State of Kelantan Special Incentive Scheme in relation to C-Suite executive granted under these Rules if—

(a) the approved individual fails to comply with any conditions under rule 5; or

- (b) the State of Kelantan Special Incentive Scheme granted under the Income Tax (State of Kelantan Special Incentive Scheme) Rules 2025 ceases to apply to the approved person.

(2) Where the State of Kelantan Special Incentive Scheme in relation to C-Suite executive is withdrawn in accordance with subrule (1), the State of Kelantan Special Incentive Scheme in relation to C-Suite executive shall be deemed to have not been granted to the approved individual—

- (a) in relation to paragraph (1)(a), from the first year of the specified years of assessment; or
- (b) in relation to paragraph (1)(b), from the year of assessment in which the application by the approved person under rule 11 of the Income Tax (State of Kelantan Special Incentive Scheme) Rules 2025 is received by the Minister through the Council.

Cessation of State of Kelantan Special Incentive Scheme in relation to C-Suite executive

9. Where the approved individual ceases to be employed by the approved person in the basis period for a year of assessment in the specified years of assessment, these Rules shall cease to apply to the approved individual from the year of assessment which the approved individual ceases to be employed.

Made 19 August 2025

[Perb.MOF.TAX(S)700-2/7/758; LHDN.AY.A 600-12/1/7 (29)-319; PN(PU2)80/JLD.114]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Minister of Finance II

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]